

Anugerah Guru Arif Budiman 2009

Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) akan menganjurkan Anugerah Guru Arif Budiman 2009 bagi mengiktiraf sumbangan guru-guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

2. Anugerah ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:
 - a. Mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
 - b. Mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
 - c. Mengangkat sebagai teladan, guru-guru yang cemerlang dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

Gelar dan Jumlah Anugerah

3. Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) yang akan diberikan Jawatankuasa pengelola tahun ini adalah seperti berikut:

Anugerah		Sekolah Rendah	Sekolah Menengah & Maktab Rendah
1	Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan	1	1
2	Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang	1	1
Jumlah		2	2

Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang telah berkhidmat sebagai guru lebih dari 10 tahun.

Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang telah berkhidmat sebagai guru kurang dari 10 tahun.

Syarat Pencalonan

4. Anugerah Guru Arif Budiman 2009 terbuka kepada semua guru Bahasa Melayu yang mengajar di semua sekolah arus utama di Singapura. Pencalonan untuk anugerah pada tahun 2009 adalah berdasarkan khidmat cemerlang guru pada tahun 2007 dan 2008. **Empat pemenang Anugerah Guru Arif Budiman tahun 2007 & 2008 dikecualikan daripada pencalonan bagi tahun 2009.**
5. Calon-calun AGAB akan dinilai berdasarkan ciri-ciri yang berikut:
 - a. Dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu;
 - b. Berdedikasi dan tekal menjayakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah;
 - c. Peka dan prihatin terhadap kebajikan dan keperluan para pelajar; dan
 - d. Mencerminkan nilai Arif dan Budiman melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.

Proses Pencalonan

6. Pencalonan dibuka dari **5 Mei 2009** sehingga **2 Jun 2009**.
 7. Borang pencalonan (Lampiran A) AGAB akan disiarkan melalui media massa dan akan diedarkan kepada semua sekolah arus utama. Borang pencalonan juga boleh diturunmuat daripada laman yang berikut:
 - a) www.MLLPC.sg
 - b) www.kgms.org.sg
 8. Pencalonan boleh dibuat oleh pelajar, guru, ibu bapa, pengetua sekolah dan masyarakat umum. Setiap pencalonan hendaklah memenuhi syarat-syarat pencalonan dan menggunakan Borang Pencalonan AGAB.
 9. Para calon akan dinilai oleh sebuah panel penilai yang dilantik oleh pihak pengelola.
- ## Corak dan Nilai Anugerah
10. Sebanyak empat hadiah akan disediakan untuk empat buah anugerah. Setiap anugerah berbentuk wang tunai \$1,000, trofi dan watakah pencapaian.

Majlis Anugerah

11. AGAB akan disampaikan dalam satu majlis jamuan petang yang akan berlangsung pada 15 Ogos 2009.

12. Maklumat lanjut lanjut tentang panduan dan prosedur pencalonan terdapat di lalaman **www.MLLPC.sg**

Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS)

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Dr Bibi Jan Md Ayyub
Yang Di-Pertua
Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura
Tel/SMS: 64407952
Email: admin@kgms.org.sg

atau

Encik Jamal Iskandar bin Ismail
Pengerusi, Anugerah Guru Arif Budiman 2009
Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura
Hp: 81391539
Email: jamal_iskandar_b_ismail@moe.edu.sg

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

- Jawatankuasa Penyemakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) yang dipengerusikan oleh Prof Madya Dr Hadijah Rahmat dari Institut Pendidikan Nasional telah ditubuhkan pada bulan Disember 2004. Jawatankuasa tersebut telah menjalankan penyemakan yang komprehensif tentang pengajaran, pembelajaran dan penilaian Bahasa Melayu.
 - Pada bulan November 2005, MLCPRC telah mengajukan beberapa saranan untuk menarik minat pelajar Bahasa Melayu dalam pembelajaran bahasa tersebut. Satu daripada saranan utama penubuhan sebuah jawatankuasa oleh MOE yang bekerjasama dengan pertubuhan masyarakat Melayu dalam menggalakkan penggunaan bahasa Melayu.
 - Selaras dengan saranan MLCPRC, Kementerian Pendidikan (MOE) telah menubuhkan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) pada bulan Februari 2006. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Encik Masagos Zulkifli, Setiausaha Parlimen Kanan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh para pemimpin masyarakat, para wakil daripada institusi pengajian tinggi, pertubuhan masyarakat Melayu, media dan pertubuhan profesional. Jawatankuasa tersebut tujuan untuk memupuk minat pelajar dalam pembelajaran bahasa, kesusasteraan dan budaya Melayu.
-

Borang Pencalonan Anugerah Guru Arif Budiman 2009

Kategori (sila tandakan ✓)

Anugerah Guru Arif Budiman	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah & Maktab Rendah
Teladan		
Perangsang		

Bahagian 1: Maklumat Calon

Nama Penuh: _____
No Kad
Pengenalan: _____
Tarikh Lahir: _____
Sekolah: _____
Pengalaman Mengajar: _____ (tahun) _____ (bulan)

Bahagian 2: Kriteria Pencalonan

(Sila kemukakan bukti bagi setiap kategori, tidak melebihi 4 muka surat saiz A4 kesemuanya. Tidak perlu menyertakan portfolio guru yang dicalon.)

a. Bukti bagaimana calon ini meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu:

b. Bukti calon berdedikasi dan tekak menjayakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah:

c. Bukti calon ini peka dan prihatin terhadap kebajikan dan keperluan para pelajar:

d. Bukti calon ini mencerminkan nilai Arif dan Budiman melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik:

Bahagian 3: Maklumat Pencadang

Nama: _____
Nama Pertubuhan: _____
Jawatan: _____
Alamat: _____
No telefon: _____
E-mel: _____
Hubungan dengan calon: _____
Tanda tangan: _____
Tarikh: _____

Sila kembalikan Borang Pencalonan kepada:

Sekretariat AGAB 2009
Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura
Blk 55 Lorong L Telok Kurau #03-67 Bright Centre
Singapura 425500

selewat-lewatnya pada 2 Jun 2009